

NO. SOALAN: 14

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN JEFF OOI CHUAN AUN
[JELUTONG]**

TARIKH : 8 APRIL 2015

RUJUKAN : 7624

SOALAN:

Tuan Jeff Ooi Chuan Aun [Jelutong] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan memberikan statistik terkini mengenai penangkapan anasir-anasir pro-ISIS yang menggunakan Malaysia sebagai saluran transit serta pangkalan membuat rekrutmen. Adakah mereka ini sedang dikurung di Malaysia.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Setakat 1 April 2015, seramai 75 orang terlibat dalam Kumpulan Militan IS telah ditahan kerana disyaki telah menggunakan Malaysia sebagai transit serta pangkalan untuk membuat rekrutmen.

Daripada jumlah tersebut, seramai 7 orang sedang di dalam siasatan, 24 orang di dalam proses pendakwaan di bawah Akta Kesalahan Keselamatan (Langkah-Langkah Khas) 2013, 6 orang diambil tindakan di bawah Akta Pencegahan Jenayah 2013, 25 orang telah dibebaskan dan 13 orang warganegara asing telah diusir keluar dari Malaysia.